

04 JUL 1998

Kuan Yew-Malaysia

MALAYSIA TIDAK SAMA SEPERTI INDONESIA, KATA KUAN YEW

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 4 Julai (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew berkata keadaan di Malaysia tidak sama seperti di Indonesia dan tidak akan berlaku rusuhan serta tindakan menggulingkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Lee berkata demikian dalam satu temuramah dengan majalah Business Week dan akhbar The Straits Times menyiarkan petikan daripada temuramah itu hari ini.

Dalam temuramah itu Lee telah ditanya sama ada beliau fikir keadaan di Malaysia akan terikut-ikut dengan apa yang berlaku di Indonesia.

Mengenai pendapat Dr Mahathir bahawa dunia luar telah menyebabkan kejatuhan Asia, Lee berkata jika negara-negara Asia mahu menggunakan modal asing dan mendapatkan faedah pertumbuhan yang lebih cepat, mereka harus mempunyai "pemutus litar" - kawalan secukupnya untuk berdepan dengan sebarang kemasukan dan keluaran dana secara tiba-tiba.

Lee berkata: "mereka tidak mempunyai pemutus litar seumpama itu dan berdasarkan keadaan pembangunan dan institusi kewangan mereka, mereka sepatutnya lebih baik melakukannya secara beransur-ansur."

Business Times, yang turut menyiarkan petikan daripada temuramah Business Week itu melaporkan Lee berkata kadar faedah tinggi yang ditetapkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi membantu menstabilkan ekonomi yang lemah di rantau ini sebaliknya telah menjejaskan mereka.

"Jika hanya satu negara yang terbabit, kadar faedah yang tinggi mungkin boleh berjaya.

"Tetapi, seluruh rantau ini dilanda kegawatan dan satu halangan baru yang tercetus di mana-mana bahagian rantau ini akan turut meruntun turun yang lainnya."

Lee juga berkata bahawa kadar tukaran mata wang tidak kaitannya terhadap keadaan ekonomi sebenar.

"Ianya apa yang dipercayai oleh peniaga mata wang asing. Mereka berhubung antara satu sama lain. Mereka menulis analisis bagi pelanggan mereka, dan pasaran bergerak."

Lee berkata bahawa IMF masih mempunyai peranan untuk dimainkan dalam menstabilkan Indonesia kerana pembiayaan IMF dapat membantu memberi keyakinan kepada pasaran dalam dasar makroekonomi Indonesia.

Bagaimanapun hanya pemimpin-pemimpin Indonesia yang boleh mengembalikan keyakinan para usahawan, ahli bank, pemborong dan peniagaanya sendiri, kata Lee.

-- BERNAMA

THG RHM RON